

21 MAY 1996

Malaysia-Bunga

PERHIASAN BUNGA MALAYSIA MENANG PINGAT PERAK SEKALI LAGI DI BRITAIN

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 21 Mei (Bernama) -- Bunga Malaysia sekali lagi menyemarakkan permulaan musim bunga British dengan perhiasan yang memenangi hadiah buat kali keempat berturut-turut di Pameran Bunga "Chelsea Flower" yang diadakan setahun sekali di sini.

Malaysia telah memenangi pingat perak semenjak tahun 1993, kecuali tahun 1994 apabila ia berjaya memenangi pingat emas. Semua perhiasan bunga Malaysia itu digubah oleh Pelancongan Malaysia di sini dengan bahan-bahan yang diterbangkan ke sini oleh Penerbangan Malaysia (MAS).

Gerai Malaysia di pameran itu, walaupun telah dikurangkan saiznya dari tahun-tahun lepas, memenangi keseluruhan pingat perak kerana warna-warna tropika yang berpancaran dalam bahagian hiasan tumbuhan dan bunga tropika.

Pingat emas dimenangi oleh hiasan fuchias daripada seorang peserta tempatan.

Bunga-bunga Malaysia sekarang telah menjadi satu siri yang dinanti-nantikan di Pameran Bunga Chelsea ini, iaitu satu acara utama dalam kalendar tahunan hortikultur. Pameran ini dianjurkan di awal musim bunga oleh Persatuan Hortikultur Diraja yang berprestij. Panel hakim juga datang dari persatuan ini.

Bunga-bunga tropika yang berwarna warni dengan sifatnya yang eksotik sangat digemari oleh peminat-peminta bunga di sini dan pasaran bunga orkid tropika sekarang merupakan perniagaan berjuta pound.

Sabtu lepas, sebagai menanda permulaan pameran itu, pembaca-pembaca akhbar Times telah dijamu dimuka depan dengan hiasan bunga Malaysia yang jarang-jarang didapati, menyerlah dengan warna merah dan hijau dan dihembus dengan rawatan pengering rambut sebagai galakkan untuk kembang dalam ketidak sesuaian cuaca musim bunga British ini.

Tahun ini keunggulan pameran itu diancam oleh cuaca sejuk yang melambatkan ketibaan musim bunga. Sekiranya keadaan di England buruk, keadaan Belanda di seberang perairan lebih teruk lagi kerana mereka terpaksa membeli bunga tulip British untuk membantu pameran bunga tahunan mereka sendiri.

Pameran Bunga Chelsea telah diadakan diperkarangan Hospital Di Raja Chelsea di kawasan selatan London yang lebih menghiju semenjak tahun 1913, kecuali setahun dua di zaman peperangan.

Tahun ini terdapat lebih dari 700 peserta yang membelanja lebih dari 20 juta pound untuk bersaing mendapat hadiah dalam acara tahunan ini.

Ratu Elizabeth melawat pameran itu semalam. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat gerai Malaysia dalam persinggahan beliau dari Amerika Khamis ini. -- BERNAMA

WAN WAT PR